

Pelaburan \$43 juta untuk bangun makmal keselamatan siber

RUANG keselamatan siber di Singapura menerima rangsangan dengan pelancaran makmal di bawah skim rasmi Yayasan Penyelidikan Nasional (NRF) untuk membangun teknologi baru bagi memerangi ancaman keselamatan.

Yayasan itu, Universiti Nasional Singapura (NUS) dan syarikat telekomunikasi Singtel akan melabur \$43 juta ke dalam makmal tersebut bagi tempoh lima tahun akan datang dalam bidang seperti analisis data dan pembelajaran mesin untuk mengesan serangan siber secara automatik dan teknik penyulitan kalis pencerobohan.

Semasa melancarkannya semalam, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Negara, Encik Teo Chee Hean, berkata:

“Kita mesti sentiasa berjaga-jaga dan bersedia menangani peningkatan ancaman siber yang semakin canggih.”

Menurut beliau, hasil utama yang perlu dicapai oleh Makmal Penyelidikan dan Pengembangan Keselamatan Siber Singtel-NUS adalah menambah kelompok karyawan keselamatan siber Singapura dan meningkatkan keupayaan mereka.

Kemudahan itu akan menempatkan 100 penyelidik dan melatih 120 karyawan keselamatan siber baru daripada peringkat sarjana muda sehingga ke pos-siswazah dalam tempoh lima tahun akan datang.

“Ini akan membangunkan kumpulan tenaga mahir yang besar dan kritikal untuk Singapura.

“Latihan ini akan melengkapkan mere-

ka dengan kepakaran mendalam dalam bidang ini yang semakin meningkat, selain menyediakan mereka peluang pekerjaan, bukan hanya dengan Singtel, malah dalam sektor awam dan syarikat lain,” ujar Encik Teo.

Menyentuh meningkatnya ancaman yang menyasarkan kedua-dua sektor awam dan swasta, beliau, yang juga pengerusi NRF, berkata Singapura telah mengambil langkah progresif sejak beberapa tahun lalu untuk memperkukuh keupayaan keselamatan siber.

Ini termasuk Program Penyelidikan dan Pembangunan Keselamatan Siber Nasional pada 2013 bernilai \$130 juta untuk meningkatkan keselamatan negara.

Menurut Encik Teo, tambahan \$60 juta akan diperuntukkan bagi Pelan Penyelidikan, Inovasi dan Perusahaan 2020.